



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI
BILANGAN 2 TAHUN 2001**

**TAWARAN OPSYEN PELANJUTAN UMUR PERSARAAN WAJIB
DARIPADA 55 TAHUN KEPADA 56 TAHUN**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telah bersetuju menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 3 Tahun 2001 mengenai tawaran opsyen pelanjutan umur persaraan wajib daripada 55 tahun kepada 56 tahun berkuatkuasa mulai pada 1 Oktober 2001.

2. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 3 Tahun 2001 untuk panduan dan tindakan.

(DATO' HAJI ISMAIL BIN LATIFF)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Bertarikh : 10 Jamadil Akhir 1422
29 Ogos 2001

[SUK.D.200(01)600/9/Jld. II/(47)]

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

Salinan : 1. Semua Pihak Berkuasa Berkanun
2. Semua Pihak Berkuasa Tempatan



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2001

**TAWARAN OPSYEN PELANJUTAN UMUR PERSARAAN WAJIB
DARIPADA 55 TAHUN KEPADA 56 TAHUN**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk melanjutkan umur persaraan wajib anggota sektor awam (meliputi pegawai perkhidmatan awam serta pekerja pihak berkuasa berkanun dan tempatan) daripada 55 tahun kepada 56 tahun berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2001**.

LATAR BELAKANG

2. Akta Pencen 1980 [Akta 227] dan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980 [Akta 239] dipinda untuk melanjutkan umur persaraan wajib anggota sektor awam daripada 55 tahun kepada 56 tahun berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2001. Dengan pindaan tersebut, anggota tetap yang dilantik pada atau selepas tarikh kuat kuasa hendaklah bersara apabila mencapai umur 56 tahun. Anggota yang belum mencapai umur 55 tahun dan masih berkhidmat sebelum tarikh kuat kuasa pula adalah diberi opsyen untuk bersara wajib apabila mencapai umur 55 tahun **atau** melanjutkan perkhidmatannya sehingga mencapai umur 56 tahun.

IMPLIKASI OPSYEN UNTUK BERSARA APABILA MENCAPAI UMUR 56 TAHUN

3. Sepanjang tempoh perkhidmatan selepas mencapai umur 55 tahun, seseorang anggota yang membuat opsyen untuk berkhidmat sehingga mencapai umur 56 tahun adalah terus tertakluk kepada Undang-Undang Pencen serta Perintah Am, Peraturan Perkhidmatan, Skim Perkhidmatan, Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan dan arahan-arahan lain yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

4. Bagi anggota di bawah Skim Pencen, tempoh perkhidmatannya sehingga mencapai umur 56 tahun adalah dimasukira bagi perkiraan faedah-faedah persaraan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta 227 atau Akta 239, mana yang berkenaan.

5. Anggota yang telah membuat opsyen untuk bersara apabila mencapai umur 56 tahun masih boleh dikehendaki bersara awal atas kehendak Kerajaan pada bila-bila masa di bawah peruntukan-peruntukan Akta 227 atau Akta 239. Anggota itu juga boleh memohon bersara secara pilihan sebelum mencapai umur 56 di bawah undang-undang pencen yang sama.

PELAKSANAAN

Anggota Yang Layak Membuat Opsyen

6. Opsyen diberi kepada anggota tetap yang akan mencapai umur 55 tahun:-
- (i) pada 1 Oktober 2001; atau
 - (ii) selepas tarikh kuat kuasa 1 Oktober 2001
- “Anggota tetap” yang dimaksudkan termasuk anggota -
- (i) yang sedang dalam percubaan;
 - (ii) dalam pinjaman;
 - (iii) dalam pertukaran sementara; dan
 - (iv) yang memilih untuk tertakluk kepada Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

7. Tarikh lahir yang diiktiraf bagi maksud opsyen ini ialah tarikh lahir sepertimana dicatat di dalam Buku Perkhidmatan anggota. Segala kemusykilan mengenai penetapan tarikh lahir anggota hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Perkhidmatan) untuk keputusan.

Tawaran Opsyen

8. Ketua Jabatan hendaklah mengedarkan borang opsyen seperti di **LAMPIRAN “A”** kepada setiap anggota yang layak diberi opsyen. Anggota yang bercuti tanpa gaji atau berkursus hendaklah diberi opsyen oleh Ketua Perkhidmatan atau Ketua Jabatannya.

Tempoh Opsyen

9. Opsyen hendaklah dibuat sebelum 1 Oktober 2001. Anggota yang tidak membuat opsyen atau tidak menyerahkan borang opsyen sebelum 1 Oktober 2001 atau yang membuat opsyen dengan bantahan atau syarat tambahan disifatkan sebagai memilih untuk bersara wajib apabila mencapai umur 55 tahun. Opsyen oleh anggota menjadi operatif pada 1 Oktober 2001 dan adalah **muktamad**.

Merekod Opsyen Anggota Dalam Rekod Perkhidmatan

10. Ketua Jabatan bertanggungjawab mencatatkan ke dalam Rekod Perkhidmatan anggota maklumat seperti berikut :

“Opsyen Di bawah P.P. Bil. 3 Tahun 2001

Telah memilih untuk bersara wajib apabila mencapai umur 55 tahun / 56 tahun, mengikut Akta Pencen 1980 (Akta 227) dibaca bersama-sama Akta Pencen (Pindaan) 2001 / Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dibaca bersama Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2001*, tertakluk kepada semua peruntukan Akta Pindaan tersebut”*

***Tandatangan pihak yang mengesahkan, jawatannya
dan tarikh pengesahan***

Maklum Balas Ketua Jabatan Kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen)

11. Ketua Jabatan hendaklah menghantar kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen) borang maklum balas seperti di **LAMPIRAN “B”** sebelum 31 Oktober 2001.


12. Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen) telah menangguhkan pemerosesan kes-kes persaraan pada umur 55 yang telah diterima daripada Ketua Jabatan sebelum keluarnya Pekeliling Perkhidmatan ini bagi anggota yang layak diberi opsyen. Kelulusan bagi kes-kes ini akan hanya diuruskan seterusnya apabila Jabatan ini menerima salinan muka surat terakhir Rekod Perkhidmatan anggota yang tercatat opsyen seperti di perenggan 10 Pekeliling Perkhidmatan ini serta tarikh persaraan wajibnya mengikut opsyen tersebut.

**Potong mana yang tidak berkenaan. Akta 227 ialah bagi pegawai perkhidmatan awam persekutuan atau negeri dan Akta 239 ialah bagi pekerja pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan.*

PEMAKAIAN

13. Pekeliling Perkhidmatan ini meliputi pegawai perkhidmatan awam persekutuan dan negeri serta pekerja pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SERI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

9 Ogos 2001

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 2001
(Borang Opsyen)**

Kepada :

.....

.....

(Ketua Jabatan)

Tuan,

Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2001, saya dengan ini membuat opsyen seperti berikut* :

Bersetuju untuk bersara wajib apabila mencapai umur **55** tahun, sepertimana diperuntukkan di bawah Akta Pencen 1980 (asal) dibaca bersama-sama Akta Pencen (Pindaan) 2001 / Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980 (asal) dibaca bersama-sama Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan (Pindaan) 2001** tertakluk kepada semua peruntukan Akta Pindaan tersebut.

ATAU

Bersetuju untuk bersara wajib apabila mencapai umur **56** tahun, sepertimana diperuntukkan di bawah Akta Pencen 1980 dipinda oleh Akta Pencen (Pindaan) 2001 / Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980 dipinda oleh Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan (Pindaan) 2001** tertakluk kepada semua peruntukan Akta Pindaan tersebut.

2. Saya sesungguhnya mengaku memahami akan segala kandungan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2001 dan implikasi opsyen saya ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa opsyen yang telah saya buat ini adalah muktamad.

Tandatangan :

Nama :

Nombor Kad Pengenalan

Jawatan :

Tarikh : _____

* *Tandakan / dalam salah satu petak yang berkenaan.*

** *Potong mana yang tidak berkenaan.*

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 2001
(Laporan Jumlah Anggota Yang Memilih Persaraan Wajib
Apabila Mencapai Umur 55 Atau 56 Tahun)

PILIHAN DI BAWAH P.P. 3/2001 KUMPULAN PERKHIDMATAN	MEMILIH BERKHIDMAT SEHINGGA MENCAPAI UMUR 55 TAHUN		MEMILIH BERKHIDMAT SEHINGGA MENCAPAI UMUR 56 TAHUN	
	LELAKI	PEREMPUAN	LELAKI	PEREMPUAN
KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI (SSB)				
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (SSB) & KUMPULAN "A" (JKK)				
KUMPULAN SOKONGAN 1 (SSB) & KUMPULAN "B" DAN "C" (JKK)				
KUMPULAN SOKONGAN 2 (SSB) & KUMPULAN "D" (JKK)				
JUMLAH				

Pegawai Yang Mengesahkan Maklumat

Nama & Alamat Lengkap Jabatan

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

No. Telefon :

Tarikh :

NOTA: Sila hantar borang yang telah dilengkapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
 Jabatan Perkhidmatan Awam, (Bahagian Pencen), Aras 5, Blok C2, Parcel C,
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 Putrajaya. (No. fax: 03-88892193)